

31 AUG 2003

Mahathir-Kemerdekaan

PERDANA MENTERI GEMBIRA DENGAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

PUTRAJAYA 31 Ogos (bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa gembira dengan sambutan Hari Kebangsaan ke-46 hari ini yang disifatkannya paling hebat pernah diadakan.

Beliau turut memuji persembahan yang diadakan termasuk pertunjukan udara dan semangat bersatu-padu yang ditunjukkan oleh semua yang hadir terutamanya golongan muda.

"Saya merasa begitu gembira kerana tahun ini amat luarbiasa apabila ramai orang datang bagi menyaksikan sambutan terbesar yang pernah diadakan," katanya kepada pemberita selepas berakhirnya perarakan Hari Kebangsaan di Dataran Putrajaya di sini.

Perarakan pagi ini disertai oleh hampir 23,000 peserta dan ia diserikan lagi dengan pelbagai persembahan menarik, termasuk persembahan bertenaga serta berwarna-warni oleh Kumpulan Simfoni Rakyat Malaysia.

Sambutan kali ini merupakan yang terakhir dihadiri Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri ekoran keputusan beliau melepaskan jawatannya Oktober ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yasin berkata, perayaan sambutan Hari Kebangsaan tahun ini adalah untuk menunjukkan rasa kesyukuran atas nikmat yang diperolehi hasil usaha kepimpinan dahulu dan sokongan masyarakat.

"Kita hidup dalam keadaan harmoni, dalam keadaan yang selamat dan berjaya. Ini sesuatu yang harus ditingkatkan, perasaan cinta yang tinggi kepada negara. Ini yang penting bagi kita," katanya.

Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein berkata sambutan perayaan Hari Kemerdekaan pada tahun ini adalah bersejarah dan disambut begitu meriah dan penuh kegembiraan.

"Bersejarah, begitu meriah, saya rasa begitu gembira," katanya.

"Tetapi dalam kegembiraan kita, dalam kebanggaan kita, rasa sedih pun ada kerana ini merupakan kali terakhir Dr Mahathir akan bersama kita dalam majlis perayaan kemerdekaan ini," kata Hishamuddin.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding pula ketika ditemui pemberita berkata kehadiran hampir 300,000 penonton dari pelbagai kaum membuktikan rakyat mempunyai rasa cinta yang mendalam pada negara.

"Kita dapat lihat betapa rakyat menyayangi negara ini, mereka hidup bersatu-padu di bawah pimpinan Perdana Menteri (Dr Mahathir). Kehadiran mereka hari ini juga membuktikan mereka menyayangi Perdana Menteri," katanya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas berkata beliau gembira dengan sambutan Hari Kebangsaan kali ini yang begitu hebat dengan dipenuhi persembahan yang mengagumkan.

"Tambahan pula, dengan cuaca yang begitu baik sekali, sambutan berjalan lancar. Bagi saya, ini adalah sambutan terbaik yang pernah kita adakan walaupun suasana agak sedih kerana ini kali terakhir kita dapat raikannya bersama Dr Mahathir semasa beliau masih menjadi Perdana Menteri," katanya.

Menteri Kewangan II Datuk Dr Jamaludin Jarjis pula berkata beliau amat gembira dan berpuashati dengan sambutan hari ini yang boleh dikatakan bertaraf global.

"Ia adalah pertunjukan yang baik sekali, yang disertai pelbagai lapisan masyarakat. Syabas saya ucapkan kepada rakyat yang turut serta, tahap majlis yang diadakan hari ini bertaraf global," katanya.

Tambahnya, acara itu tentunya akan dijadikan kenangan manis oleh

Perdana Menteri yang akan bersara Oktober depan.

-- BERNAMA

SHI RIZ MAM AZH